

07/06/2003

Dua tokoh banyak berjasa

KUALA LUMPUR: Tan Sri Fatimah Hashim, 79, seorang daripada dua penerima anugerah darjah kebesaran tertinggi negara, Seri Setia Mahkota (SSM) yang membawa gelaran Tun sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong hari ini, memiliki pelbagai keistimewaan.

Beliau bukan saja mencatat sejarah sebagai wanita pertama yang dilantik menteri di Malaysia tetapi tokoh pemimpin pergerakan wanita di negara ini dengan menerajui Pergerakan Kaum Ibu/Wanita Umno selama 16 tahun.

Bekas Menteri Kebajikan Am antara Mei 1969 hingga Februari 1973 itu dilantik sebagai Ketua Kaum Ibu Umno (dipanggil Wanita Umno pada 1972) pada usia semuda 32 tahun dan jawatan itu dipegangnya mulai 1956 hingga 1972.

Fatimah, yang menjadi Ahli Parlimen Jitra-Padang Terap selama 15 tahun (mulai 1959 hingga Ogos 1974) memainkan peranan amat besar bersama Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra, dalam perjuangan parti dan kemerdekaan negara.

Kerusi itu yang mulai 1974 dikenali sebagai Kubang Pasu, diwakili oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sehingga sekarang.

Walaupun hanya lulus darjah lima sekolah Melayu, Fatimah mempunyai daya dan dimensi pemikiran yang lebih segar, bernas, asli dan berani daripada sesetengah pemilik ijazah Doktor Falsafah (PhD) sekarang.

Beliau memberi sumbangan besar kepada wanita di negara ini baik dalam bidang politik, mahupun pergerakan sosial. Malah kejayaan Fatimah dalam politik telah menyemarakkan semangat dan minat wanita Melayu untuk menyertai politik.

Mula berjinak dalam bidang politik apabila mendaftar sebagai ahli Umno nombor 350 pada 1947, beliau yang dilahirkan di Parit Keroma, Muar, Johor, baru saja berusia 22 tahun ketika itu.

Sepanjang mengetuai pergerakan Kaum Ibu/Wanita Umno dan menjadi ahli Parlimen selama 15 tahun, banyak kemajuan telah dicatatkan oleh beliau untuk wanita di negara ini.

Satu lagi keistimewaan beliau ialah di sebalik kesibukannya berkhidmat untuk rakyat dan negara, Fatimah berjaya melahirkan sebuah keluarga yang semua anaknya membesar, menjadi insan berjaya.

Suami Fatimah adalah bekas Peguam Negara serta Menteri Undang-Undang dan Pembangunan Negara, Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir Yusoff. Antara anaknya ialah Pengerusi Eksekutif dan Rakan Niaga McDonald's Malaysia, Mohamed Shah Abdul Kadir; Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti (SC), Datuk Ali Abdul Kadir; Dekan Fakulti Perubatan UKM, Datuk Prof Dr Khalid Abdul Kadir dan bekas Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Datin Mariam Abdul Kadir.

Sementara itu, seorang lagi penerima SSM, Tan Sri Abdullah Mohd

Salleh,

77, berpengalaman luas dalam perkhidmatan kerajaan dan korporat selain memainkan peranan penting dalam penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Berasal dari Kampung Empang Batu, Padang Sebang, Alor Gajah, Melaka, beliau memulakan kerjayanya dalam bidang pentadbiran di Johor pada 1955 sebagai Penolong Pegawai Tadbir dan Penolong Setiausaha Kerajaan Perak tahun berikutnya. Abdullah kemudian dilantik sebagai setiausaha Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra, pada 1959 hingga 1962.

Kecemerlangan perkhidmatannya menyaksikan Abdullah dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara pada 1976 hingga bersara pada 1978.

Selepas persaraannya daripada perkhidmatan kerajaan, beliau dilantik sebagai Pengerusi Petronas ketiga pada usia 55 tahun bermula 1 Januari 1979 sehingga 1 Januari 1984. Ia disusuli dengan pelantikannya sebagai Pro Canselor UKM pada 1987 hingga sekarang. Beliau berkahwin dengan Puan Sri Mahani Abdul Razak pada 1957 dan mereka dikurniakan enam anak.